

AMALAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4,
DI TIGA BUAH SEKOLAH KAWALAN,
DAERAH PASIR GUDANG, JOHOR.

HASDHATUL NORASYIKIN BINTI MD SAID

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AMALAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4,

DI TIGA BUAH SEKOLAH KAWALAN,
DAERAH PASIR GUDANG, JOHOR.

HASDHATUL NORASYIKIN BINTI MD SAID

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan
Sarjana Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MEI 2012

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,
Selawat Serta Salam Buat Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Setinggi-tinggi Penghargaan Buat :

Ibunda Dan Ayahanda,

Md Said Bin Jasin, Hasnah Binti Jamil & Saripah Binti Jantan,

Terima Kasih Tidak Terhingga Atas Segala Pengorbananmu,

Mengandung, Melahirkan, Menjaga, Mendidikku,

Sedari Aku Masih Kecil Sehingga Aku Dewasa,

Doa Serta Restumu, Menjadi Sumber Kejayaanku, Untuk Selama-lamanya.

Ibunda Dan Ayahanda Mertua,

Robani Bin Sidi & Ratemi Bin Robani,

Terima Kasih Atas Segala Sokongan Secara Fizikal & Mental,

Tanpa Kalian, Kejayaan Ini Sukar Dikecapi.

Buat Suami Dan Anakanda Tercinta,

Zulkiplee Bin Robani & Dzunnur Husna Zulkiplee,

Kasih Sayang Kalian Menguatkan Azam Untuk Menimba Ilmu,

Kasih Sayang Kalian Obor Yang Telah Memberi 1001 Kekuatan Luar Biasa Dalam Diri
Ini.

Buat Adik-adikku,

Hasdhatul Norazreen Binti Md Said, Hasdhatul Nor Faezah Binti Md Said,

Hasdhatul Nor 'Aliah Binti Md Said,

Hidup Ini Penuh Ranjau Dan Berliku, Hanya Keimanan & Ketaqwaan Sebagai Bekalan
Perjalanan.

Buat Para Guru & Pensyarah,

Jasamu Ku Kenang Sepanjang Waktu, Kerana Mendidik Diri Ini Menjadi Insan
Berguna, Untuk Agama, Bangsa Dan Negara.

Buat Teman Seperjuangan,
Hargailah Persahabatan Yang Telah Terjalin,
Suka Dan Duka Akan Sentiasa Terpahat Di Sanubari Dan Menjadi Kenangan Yang
Mematangkan,
Teruskan Usaha Kalian Berbakti Dan Mencari Keredhaan Ilahi,

Amin Ya Rabbal A'lamin....

Terima Kasih Semua & Wallahua'lam.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji hanya pada-Nya Tuhan Yang Menguasai sekalian alam. Selawat serta Salam kepada junjungan akhir zaman nabi Muhammad S.A.W, ke atas keluarga Baginda, para sahabat, tabi'in, para ulama' seterusnya kepada mereka yang mengikuti jejak langkah orang-orang yang soleh hingga ke hari Kiamat.

Alhamdulillah ke hadirat Allah Yang Maha Esa, Projek Sarjana yang bertajuk “Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4, Di Tiga Buah Sekolah Kawalan, Daerah Pasir Gudang, Johor.” telahpun terlaksana dan berjaya disudahkan dengan sempurna.

Pertamanya, jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia Kajian Dalam Pendidikan (MPF 1794) iaitu Prof. Madya Dr. Hj. Mohamed Sharif Bin Hj. Mustaffa yang juga merupakan Pengarah Pusat Kaunseling Dan Kerjaya, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Terima kasih atas segala tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang proses saya menyiapkan kajian ini. Segala ilmu yang diberikan serta pengalaman yang diberikan akan dipergunakan dengan sebaiknya dan hanya Allah yang sahaja mampu membalas segala bakti yang dicurahkan.

Tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih kepada barisan pensyarah-pensyarah Bimbingan & Kaunseling iaitu Dr. Roslee Bin Ahmad (Ketua Jabatan Bimbingan & Kaunseling), Prof. Madya Syed Syafeq Bin Syed Mansor Al-Habsyi, Dr. Faizah Binti Abd. Ghani, Dr. Nora Binti Mislan dan Encik Jamaluddin Bin Ramli atas segala ilmu yang dicurahkan selama dua tahun saya di sini. Semoga jasa kalian sentiasa dilindungi Ilahi dalam usaha menabur budi dan bakti.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Tn. Hj. Amidin Bin Mat Zin & En. Ab. Rahman Mahmud pengkaji terawal yang telah menjalankan kajian penyelidikan ini kerana telah membantu sedaya upaya agar saya dapat melaksanakan kajian ini terutamanya dari sumbangan contoh soal-selidik yang terdahulu.

Terima kasih juga buat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Johor (JPNJ), Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Gudang (PPDPG) seterusnya Pengetua-Pengetua SMK Dato’ Penggawa Timur, Masai, SMKA Johor Bahru, Johor & SMK Taman Nusa Damai, Pasir Gudang atas kerjasama diberikan dengan memberikan kebenaran menjalankan kajian ke atas responden di sekolah masing-masing. Kebenaran

kalian telah memudahkan proses mendapatkan maklumat kajian. Hanya ucapan terima kasih yang tidak terhingga mampu diluahkan.

Pada kesempatan ini juga, penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang tidak tersenarai namanya di sini. Walau apa jua pun, jasa kalian tetap dalam ingatan.

Semoga segala sumbangan yang diberikan oleh kalian sekalian terus menjadi amal jariah yang tiada berpenghujung. Harapan yang menggunung juga disandarkan agar hasil kajian ini memberikan manfaat yang berguna kepada sesiapa jua yang akan membacanya selepas ini. Amin.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar di 3 Buah Sekolah Kawalan Dalam Daerah Pasir Gudang. Seramai 297 orang sampel yang terdiri dari 3 buah sekolah iaitu SMK (Agama) Johor Bahru, Pasir Gudang, SMK Dato' Penggawa Timur dan SMK Taman Nusa Damai yang telah terlibat dalam kajian soal-selidik ini. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min menggunakan SPSS (*Statistical Package*

For Social Sciences). Nilai kebolehpercayaan soal-selidik ialah $\alpha = 0.814$. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya kesemua 16 sub-nilai amalan nilai menurut KBSM telah menunjukkan skor '*Sering Diamalkan*' yang tinggi bagi ketiga-tiga sekolah. Secara terperinci didapati bahawa responden di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru, Pasir Gudang telah memilih jenis sub-amalan nilai Semangat Kejiranan sebagai jenis amalan yang paling diamalkan dengan nilai min 4.23. Manakala bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Timur, Masai, jenis sub-amalan nilai Keadilan, Kebersihan, Keberanian, Kesederhanaan, Kejujuran, Kerajinan, Rasional, Kebersihan Fizikal & Mental, Kesyukuran dan Semangat Kerjasama merupakan jenis amalan yang paling selalu diamalkan. Manakala bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusa Damai, Pasir Gudang jenis sub-amalan nilai yang paling sering diamalkan ialah Kejujuran, Kerajinan, Rasional, Kebersihan Fizikal & Mental, Kesyukuran dan Kerjasama. Bagi tahap amalan nilai pula spesifikasi tahap amalan '*Skor Tinggi*' diperolehi bagi ketiga-tiga sekolah kecuali bagi tahap amalan nilai Berdikari dan Keadilan yang mencatat '*Skor Sederhana*'. Bagi faktor yang mempengaruhi amalan nilai pula didapati bahawa faktor ibu, bapa dan keluarga dan faktor rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyumbang amalan nilai bagi ketiga-tiga buah sekolah. Oleh itu, dalam mengenalpasti dan menilai jenis, tahap dan faktor amalan nilai murni dalam kalangan pelajar di sekolah, beberapa cadangan telah dikemukakan dalam usaha melahirkan generasi pelajar yang mempunyai akhlak dan nilai amalan nilai murni yang tinggi.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the values of virtue which is practices and applied in KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) among students in Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Timur and Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusa Damai, Pasir Gudang. The finding focused on 3 aspects; which is type, level and factors that influence the practices in value. of virtue. Descriptive method was used in this study. There are 297 Form Four students from this three schools were selected as samples for this study. Questionnaire was used as the research instrument. The value of reliability for this

study instrument was $\alpha = 0.814$. The data were analyzed by using SPSS software. The results from the data analysis were presented by using descriptive statistical method which compares the percentage with the total amount of the respondents. Min values also were used to clarifying the level of practices in good value. From this study, it was found that majority respondents were always practices value of virtue in their daily life. In details, respondents in Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru, Pasir Gudang was highly practicing the neighbourhood spirit with min value of 4.23. Meanwhile, for Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Timur, Masai, the respondents were always practicing fair, clean, brave, moderate, sincerity, hardworking, rational, mental & physical cleanliness, gratitude and cooperation spirit. Respondents in Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusa Damai, Pasir Gudang were found that always practicing sincerity, hardworking, rational, Mental & Physical Cleanliness, gratitude and cooperation spirit. All respondents from this three schools also had the high level in practicing the value except for 2 values which is fair and independent. From the study also was found that majority of the respondents were influenced by family, followed by peers in their practice of value of virtue.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	ix

study instrument was $\alpha = 0.814$. The data were analyzed by using SPSS software. The results from the data analysis were presented by using descriptive statistical method which compares the percentage with the total amount of the respondents. Min values also were used to clarifying the level of practices in good value. From this study, it was found that majority respondents were always practices value of virtue in their daily life. In details, respondents in Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru, Pasir Gudang was highly practicing the neighbourhood spirit with min value of 4.23. Meanwhile, for Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Timur, Masai, the respondents were always practicing fair, clean, brave, moderate, sincerity, hardworking, rational, mental & physical cleanliness, gratitude and cooperation spirit. Respondents in Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusa Damai, Pasir Gudang were found that always practicing sincerity, hardworking, rational, Mental & Physical Cleanliness, gratitude and cooperation spirit. All respondents from this three schools also had the high level in practicing the value except for 2 values which is fair and independent. From the study also was found that majority of the respondents were influenced by family, followed by peers in their practice of value of virtue.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	ix

SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1**PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	11

1.7.1 Kepentingan Kepada Pelajar

1.7.2 Kepentingan Kepada Sekolah

1.7.3 Kepentingan Kepada Ibu Bapa

1.8	Skop Dan Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Konsep Dan Operasi	13

1.9.1 Tahap

1.9.2 Amalan

1.9.3 Nilai-Nilai Murni

1.9.4 Pelajar

1.9.5 Sekolah Kawalan

1.10 Kerangka Teori 15

1.11 Kesimpulan 18

BAB II**SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Tahap Amalan Nilai-Nilai Murni	19

2.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Nilai	21
2.3.1	Faktor Kekeluargaan	
2.3.2	Faktor Kurangnya Penghayatan Dan Pendidikan Agama	
2.3.3	Faktor Pengaruh Persekitaran	
2.3.4	Faktor Pengaruh Rakan Sebaya	
2.4	Kesimpulan	25
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Tempat Kajian	27
3.4	Sampel Kajian	28
3.5	Instrumen Kajian	29
3.5.1	Borang Soal Selidik	
3.5.2	Kebolehpercayaan Soal-Selidik	
3.6	Tatacara Kajian	34
3.6.1	Pengumpulan Dan Analisis Data	
3.8	Kesimpulan	38
BAB IV	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	
4.1	Pendahuluan	39
4.2	Analisi Data	39
4.3	Analisis Demografi Responden	
4.3.1	Maklumat Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Jantina	
4.3.2	Maklumat Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Bangsa	

4.3.3	Maklumat Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Agama	
4.3.4	Maklumat Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Sekolah	
4.4	Analisis Jenis Amalan Nilai Murni	43
4.4.1	Maklumat Jenis-Jenis Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh SMKA Johor Bahru	
4.4.2	Maklumat Jenis-Jenis Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh SMK Penggawa Timur	
4.4.3	Maklumat Jenis-Jenis Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh SMK Taman Nusa Damai	
4.5	Analisis Tahap Amalan Nilai Murni	48
4.5.1	Maklumat Tahap Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh Responden di SMK(A) Johor Bahru, Johor.	
4.5.2	Maklumat Tahap Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh Responden di SMK Dato' Penggawa Timur, Masai, Johor.	
4.5.3	Maklumat Tahap Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh Responden di SMK Taman Nusa Damai, Pasir Gudang, Johor.	
4.6	Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Nilai Murni	57
4.6.1	Maklumat Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Nilai Murni Responden	
4.7	Kesimpulan	59

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	60
-----	-------------	----

5.2	Perbincangan	60
5.2.1	Latar Belakang Responden	
5.2.2	Jenis-Jenis Amalan Nilai Yang Diamalkan Oleh Responden	
5.2.3	Tahap Amalan Nilai Murni Responden	
5.2.4	Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Nilai Murni Responden	
5.3	Rumusan Kajian	72
5.4	Cadangan	74
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.6	Kesimpulan	77
	RUJUKAN	78
	LAMPIRAN	82

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
4.3.1	Maklumat Bilangan Responden Dan Peraturan Mengikut Jantina	40
4.3.2	Maklumat Bilangan Responden Dan Peraturan Mengikut Bangsa	41
4.3.3	Maklumat Bilangan Responden Dan Peraturan Mengikut Agama	41
4.3.4	Maklumat Bilangan Responden Dan Peraturan Mengikut Sekolah	42
4.4.1	Maklumat Jenis-Jenis Amalan Nilai Murni Yang Diamalkan Oleh SMKA Johor Bahru	43
4.4.2	Maklumat Jenis-Jenis Amalan Nilai Murni	44

	Yang Diamalkan Oleh SMK Penggawa Timur	
4.4.3	Maklumat Jenis-Jenis Amalan Nilai Murni	46
	Yang Diamalkan Oleh SMK Taman Nusa Damai	
4.5.1	Maklumat Tahap Amalan Nilai Murni	48
	Yang Diamalkan Oleh Responden	
	di SMK(A) Johor Bahru, Johor.	
4.5.2	Maklumat Tahap Amalan Nilai Murni	51
	Yang Diamalkan Oleh Responden	
	di SMK Dato' Penggawa Timur, Masai, Johor.	
4.5.3	Maklumat Tahap Amalan Nilai Murni	54
	Yang Diamalkan Oleh Responden	
	di SMK Taman Nusa Damai,	
	Pasir Gudang, Johor.	
4.6.1	Maklumat Faktor-Faktor Yang	57
	Mempengaruhi Amalan Nilai Murni Responden	

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1.6.1	Kerangka Konseptual Kajian Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4	10

SENARAI SINGKATAN

KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
AADK	-	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
WHO	-	World Health Organization
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
SPPK	-	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
S.A.W	-	Sollallah' Alaihi Wasallam
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju

SS	-	Sangat Setuju
SPSS	-	Statistical Package For Social Science
SMK(A)	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPNJ	-	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
PPDPG	-	Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Gudang
N	-	Populasi
S	-	Sampel

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik Responden	82
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Oleh Bahagian Penyelidikan Pendidikan, KPM	86
C	Surat Kebenaran Menjalankan kajian Oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor.	87
D	Data Statistik Dari SPSS	88

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Matlamat negara Malaysia yang sedang menuju sebuah negara maju menjelang tahun 2020 telah menggariskan nilai akhlak dan moral sebagai tunjang utama. Menurut Amir Hasan Dawi (2002), sebuah negara yang maju akan lebih bermakna, mulia dan bahagia jika disokong atas dasar pengamalan sikap dan amalan nilai murni yang menjadi amalan dalam hati dan jiwa setiap kalangan masyarakatnya. Sehubungan itu, pemupukkan akhlak dan nilai moral yang tinggi sedari awal usia lagi akan membentuk individu dan bangsa Malaysia yang bukan sahaja maju dari aspek fizikal malahan harmoni dari aspek ketahanan mentalnya.

Di peringkat nasional, peranan dan peri pentingnya nilai dan amalan murni dalam kalangan masyarakat Malaysia amatlah dititikberatkan. Maka, tidak hairanlah dalam 9 Cabaran Wawasan 2020 yang dibentangkan oleh mantan Perdana Menteri yang Kelima, Tun Dr. Mahathir Bin Mohammad pada 28 Februari 1991 di Majlis Perdagangan Malaysia, telah termaktub salah satu cabarannya iaitu sebagai mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan didukung oleh nilai dan etika paling tinggi. Ini menunjukkan bahawa, walaupun

negara Malaysia akan melangkah ke arah negara maju iaitu Wawasan 2020, penerapan nilai murni dan amalan nilai yang lain tidak diketepikan sama sekali. Ini bermakna, walaupun sesebuah negara itu merupakan negara yang maju, amalan nilai murni dalam masyarakat akan terus menyumbang kepada kesejahteraan dan keutuhan negara agar kemajuan yang dikecapi akan diiringi dengan masyarakat yang tinggi nilai murni dan akhlaknya.

Wiliam Greidier, (2003), dalam artikelnya *'Vision 2020'* telah menjelaskan bahawa dalam menuju cabaran globalisasi semasa dan cabaran pembentukan Malaysia ke arah negara maju, pemimpin Malaysia dilihat telah merangka kerangka tindakan ke arah membentuk negara Malaysia yang maju mengikut acuan dan budaya yang tersendiri dengan terus menerapkan nilai dan budaya murni dikalangan generasi muda. Berdasarkan kenyataan itu, jelaslah bahawa asas penerapan nilai murni diperingkat umum telah diperjelaskan oleh pemimpin yang memimpin agar dapat diperluaskan hasrat serta pelaksanaanya ke peringkat yang lebih mendalam.

Di Malaysia, penyemaian dasar amalan nilai-nilai murni ini dapat dilihat jelas sudah mula ditanam sedari awal lagi iaitu dalam kerangka asas pembinaan Kurikulum Kebangsaan agar ianya dapat diperhalusi dan diterima oleh peringkat generasi yang paling muda. Kurikulum Kebangsaan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan Yang Terpilih : hingga 15 Ogos 2002 telah menjelaskan bahawa :

*“... suatu **program pendidikan** yang termasuk **kurikulum** dan kegiatan **kokurikulum** yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, **norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan** untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi **jasmani, rohani, mental dan emosi** serta untuk **menanam dan mempertingkatkan nilai moral** yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan”*

Melalui Kurikulum Kebangsaan yang menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan sistem persekolahan di Malaysia, maka Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula telah direkabentuk. Mok Soon Sang (2004), menjelaskan bahawa dalam sistem pendidikan Malaysia, terdapat 5 nilai-nilai murni yang utama telah digariskan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Melaluinya, adalah diharapkan agar para pendidik dapat menterjemahkannya pula kepada 24 ciri amalan nilai yang perlu digarap oleh pendidik sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Maka jelaslah dapat dilihat bahawa, langkah awal menyemai amalan nilai murni dalam kalangan pelajar giat dijalankan seawal diperingkat sekolah lagi.

Pemupukkan amalan nilai murni di peringkat sekolah dilihat sebagai senjata utama menghasilkan masyarakat yang harmoni merentas negara maju. Menurut Mok Soon Sang (2003), aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sering dikaitkan dengan hidup nyata akan lebih difahami serta diingati berbanding berasaskan pena dan buku semata. Sehubungan itu, penerapan amalan nilai-nilai murni di sekolah dapat dilihat dipupuk bukan sahaja melalui proses formal dalam bilik darjah, malahan ianya turut berlaku juga secara tidak formal diluar bilik darjah.

Di sekolah, penerapan amalan nilai-nilai murni seperti amalan menghormati, bersopan-santun, bertanggungjawab, sifat murah hati dan belas kasihan turut di pupuk secara tidak langsung melalui aktiviti sukan, permainan dan berpersatuan. Selain itu, nilai-nilai ini turut dirasai kehadirannya tatkala berlangsungnya program-program mahupun aktiviti sekolah seperti Sambutan Hari Guru, Hari Karnival Keusahawanan juga Sukan Tahunan Sekolah. Para pelajar akan bersama-sama menjayakan aktiviti ini serta menyerlahkan lagi amalan nilai yang dipelajari dalam bilik darjah serta cuba diserap melalui aktiviti seharian. Namun begitu, sejauhmanakah keberkesanan penerapan amalan nilai ini berkesan dihati para pelajar? Adakah amalan nilai yang cuba dipupuk serta diterapkan di peringkat awal pendidikan mampu melahirkan bangsa Malaysia yang tinggi akhlak

dan pekertinya apabila dewasa kelak? Persoalan inilah yang cuba dirungkaikan dalam kajian ini memandangkan masih kurangnya kajian amalan nilai yang terdapat Malaysia terhadap keberkesanan amalan nilai yang diterapkan di peringkat sekolah. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini menyumbang kepada penyelidikan terperinci pada masa akan datang dalam usaha menyokong dasar pendidikan negara yang mahukan pelajar yang dilahirkan dari sistem pendidikan merupakan para pelajar yang terdidik dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Inteleknnya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Penerapan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah secara teoritikalnya telah terbukti sudah diperkenalkan semenjak awal lagi. Menurut Abu Bakar Nordin (1994), semenjak Dasar Pendidikan Kebangsaan mula dilaksanakan pada tahun 1957, dasar penerapan amalan nilai sudah dititiberatkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan diluar bilik darjah. Menurut Ab. Rahman dan Amidin Mat Zin (2000), melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah diperkenalkan 16 ciri-ciri nilai-nilai murni utama iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih-sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat kejiranan kepada para pelajar di sekolah. Namun begitu, dasar amalan nilai yang sudah sekian lama ini masihkah relevan dan masihkah mampu menangkis cabaran global masa kini? Walaupun Dasar Pendidikan Kebangsaan sudah melalui beberapa proses transformasi melalui kajian dan penyelidikan dari masa ke semasa, dilihat masih wujud kepincangan amalan nilai dalam diri pelajar samada di luar mahupun di dalam sekolah melalui wujudnya pelbagai gejala sosial yang berlaku dikalangan remaja masa kini.

Pelbagai masalah sosial yang dilaporkan akhbar saban hari dan yang paling membimbangkan kita apabila wujudnya golongan pelajar terlibat dalam aktiviti

jenayah. Menurut Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (2004), gejala sosial yang melanda masyarakat kita pada hari ini semakin membimbangkan dan masih terus berlaku walaupun pelbagai kaedah dan jalan penyelesaian telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi membendung masalah ini daripada terus berleluasa. Menurut beliau lagi, pelbagai gejala sosial dan aktiviti yang dianggap menyimpang dari norma-norma dan nilai-nilai masyarakat berlaku di kalangan golongan remaja mahupun dewasa.

Pembabitian pelajar dalam kes jenayah seperti membunuh, merogol, menyamun, mengugut, kes pukul dan segala bentuk penyalahgunaan dadah dilihat bukan lagi sesuatu yang baru. Mengikut laporan Menteri Pendidikan semasa persidangan di Parlimen dan dilaporkan dalam Utusan Malaysia bertarikh 17 Oktober 2000, statistik kesalahan membunuh, merompak, merogol dan penyalahgunaan dadah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia mengikut negeri-negeri dari tahun 1999 hingga tahun 2000 dan pertengahan tahun 2001 ialah 12 kes bunuh, 123 kes rogol dan 51 kes yang melibatkan samun dan rompakan. Kes ini meningkat dari tahun ke tahun menunjukkan kepada kita bahawa semakin runtuhnya nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Dalam Berita Harian, Edisi 12 Julai 2009, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin telah mendedahkan bahawa, seramai 8,809 pelajar berusia antara 7 dan 18 tahun ditahan di seluruh negara kerana terlibat dalam kes-kes jenayah. Daripada jumlah itu, 3,683 telah terlibat dalam jenayah kekerasan manakala selebihnya melibatkan jenayah harta benda. Manakala menurut statistik yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, remaja berusia 16 hingga 18 tahun mendahului senarai dengan 6,435 tangkapan, diikuti pelajar berusia 13 hingga 15 tahun dengan 2,227 tangkapan. Angka ini bukan sedikit dan menunjukkan salahlaku jenayah dalam kalangan remaja berada pada tahap yang membimbangkan.

Terdapat beberapa faktor yang menjadi tunjang kepada kekukuhan atau keruntuhan amalan nilai-nilai murni ini. Ianya boleh didefinisikan sebagai faktor

luaran contohnya faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan persekitaran, dan faktor dalaman yang merupakan faktor diri individu itu sendiri. Hal ini didokong oleh kenyataan Mohamed Fadzil Che Din (2002), iaitu zaman remaja merupakan zaman yang penuh dengan cabaran. Terlalu banyak perkara yang ingin dicuba dan harus dipelajari. Justeru, tidak mustahil akan wujud konflik dalam diri remaja yang mungkin akan menjerumuskan mereka ke dalam kancah penyelewengan sosial. Hal ini berlaku kerana perasaan ingin diterima rakan sebaya dan persekitaran walaupun pada hakikatnya ianya akan menyalahi norma dan nilai masyarakat.

Manakala menurut Mohd Komel dalam Mohd Faizal Che Alui (2006), punca permasalahan keruntuhan nilai moral yang berlaku hari ini adalah disebabkan tipisnya iman individu terhadap agama dan nilai-nilai baik atau yang diistilahkan sebagai nilai-nilai murni. Maka tidak dapat dinafikan bahawa berlakunya gejala negatif dikalangan remaja kini adalah berpunca dari kurangnya nilai-nilai murni dalam diri atau atas tanggungjawab diri individu itu sendiri.

Melalui isu-isu nilai yang berlaku, masyarakat semakin gusar dan semakin membuka mata mencari punca dan faktor penyumbang kepada permasalahan yang berlaku. Hal yang demikian telah menggamit kepada penyelidikan dan kajian ini bagi menilai sejauh mana tahap amalan nilai-nilai murni yang wujud dalam diri pelajar dan faktor mempengaruhi amalan nilai-nilai dalam diri mereka. Kajian penyelidikan ini juga akan secara tidak langsung menyumbang kepada perbincangan lebih khusus berkenaan cara meningkat tahap amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar yang semakin hilang saban hari.

1.3 Pernyataan Masalah

Di dada-dada akhbar setiap hari memaparkan pelbagai polemik isu moral dan akhlak remaja. Saban hari, isu-isu moral seperti penyalahgunaan dadah, seks tanpa nikah, pembuangan bayi, lumba haram dan pelbagai lagi isu yang menggerunkan akan dibongkar. Melaluinya, kita dapati bahawa wujudnya

keruntuhan nilai-nilai murni seperti sifat tanggungjawab, hormat-menghormati, menghargai diri dan nilai kasih-sayang sesama insan.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sepanjang tempoh suku tahun pertama tahun 2003 iaitu bermula pada bulan Januari hingga Mac, terdapat lebih ramai remaja perempuan berumur antara 13 hingga 15 tahun di negara ini sudah mula merokok sehingga jumlah perokok di kalangan mereka berada pada tahap membimbangkan iaitu meningkat sebanyak 5% yang mewakili 8,940 orang. Ia turut dibuktikan melalui Kajian Tembakau Remaja Global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tahun 2009 yang menunjukkan jumlah perokok remaja wanita di negara ini meningkat dari 4.2 peratus pada 2003 kepada 5.3 peratus pada 2009, manakala remaja wanita yang pernah merokok juga menunjukkan peningkatan iaitu dari 11.5 peratus pada 2003 kepada 12.4 peratus pada 2009. Hal ini membimbangkan kerana ianya telah menunjukkan semakin runtuhnya sifat bersopan-santun dalam diri remaja perempuan kerana tanpa segan-silu mempamerkan tingkahlaku merokok dikhalayak ramai.

Menurut Rohayati Derani (2004), semua pihak menaruh kepercayaan bahawa masalah yang melanda masyarakat masa kini mempunyai kaitan dengan latar belakang keluarga, latar belakang pendidikan dan sosio ekonomi keluarga. Selain itu kita juga percaya bahawa faktor pengaruh rakan sebaya, faktor persekitaran, faktor media massa dan faktor-faktor lain juga mempengaruhi gejala sosial tersebut. Kenyataan ini diperkukuh lagi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) melalui laman sesawangnya yang menjelaskan bahawa nilai-nilai murni datangnya dari pengaruh keluarga, rakan sebaya, masyarakat atau orang yang terdekat. Nilai murni yang dipegang setiap individu adalah sangat bermakna pada diri individu masing-masing dan ianya akan membentuk keperibadian secara keseluruhannya. Amalan nilai murni seharusnya sesuai dengan masyarakat. Sekiranya nilai yang dipegang bertentangan dengan persekitaran sosial, maka seseorang individu itu haruslah bersedia untuk menghadapi keadaan yang tidak berpihak padanya.

Perkembangan-perkembangan gejala kurang sihat sepertimana yang dilaporkan telah menyebabkan kegusaran di kalangan masyarakat khususnya golongan ibu bapa kerana apabila anak-anak mereka semakin meningkat usia remaja, anak-anak akan mudah terpengaruh dengan persekitaran yang tidak menentu, kawan-kawan yang rosak akhlak dan seterusnya terjerumus dengan kancah permasalahan sosial. Sehubungan itu, sekiranya kita sebagai ahli masyarakat dalam negara ini mahu melihat golongan remaja yakni pelajar yang bakal menjadi pelapis negara, bebas daripada kegiatan-kegiatan yang kurang sihat ini, maka wajarlah semua pihak bersikap prihatin tatkala berhadapan dengan masalah ini. Sudah tentu kita tidak mahu kelak ibu bapa dan masyarakat terpaksa menanggung segala kesulitan dan kesukaran kerana yang pasti masih ada jalan penyelesaiannya dalam menghadapi kekusutan masalah sosial yang dialami ini. Justeru, selain daripada melihat tahap amalan nilai-nilai murni pelajar, kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui hierarki faktor-faktor yang mendominasi amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar masa kini.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Menenalpasti jenis-jenis amalan nilai-nilai murni yang diamalkan pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah kawalan Daerah Pasir Gudang.
- 1.4.2 Menenalpasti tahap amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah kawalan Daerah Pasir Gudang.
- 1.4.3 Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepada pengamalan nilai-nilai murni dalam diri para pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah kawalan Daerah Pasir Gudang.


1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah jenis-jenis amalan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah kawalan Daerah Pasir Gudang?
- 1.5.2 Sejauhmanakah tahap amalan pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah kawalan Daerah Pasir Gudang terhadap nilai-nilai murni yang diamalkan?
- 1.5.3 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi amalan nilai-nilai murni dalam diri pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah kawalan Daerah Pasir Gudang?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Sidek Mohd Noah (2002), kerangka konseptual merujuk kepada rangka kerja asas penyelidikan yang menjadi tunjang kepada penyelidikan serta menjadi asas kepada penyelidikan yang sebenar. Biasanya ianya berbentuk gambarajah atau jadual yang melambangkan perkaitan setiap pembolehubah yang dikaji dalam sesebuah kajian. Sehubungan itu, kerangka konseptual bagi kajian ini adalah sepertimana Rajah 1.6.1, di bawah :

Rajah 1.6.1 : Kerangka Konseptual Kajian Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4



Kerangka konseptual yang dipilih bagi mewakili kajian ini telah diambil kira dari penerangan Amir Hassan Dawi (2002), bahawa terdapat beberapa faktor penting yang akan mempengaruhi individu sepanjang hayatnya. Faktor-faktor

penting tersebut ialah warisan ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, etnik, gender, kelas sosial, media, geografi dan model individu sekeliling. Faktor-faktor ini dilihat faktor yang mendorong kepada sebarang perubahan personaliti, nilai dan sikap diri individu sepanjang hidupnya. Kajian ini juga akan menilai tahap amalan nilai dalam kalangan pelajar yang akan dikategorikan sebagai amalan di tahap rendah, sederhana dan tinggi melalui borang soal-selidik yang dibina oleh Ab. Rahman Bin Mahmud dan Amidin Bin Zin. (2000).

Melihat kepada kesesuaian itu, maka kajian ini akan menggunakan kerangka konseptual di atas bagi menjelaskan lagi tahap amalan nilai dan faktor mempengaruhi amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian kefahaman dan amalan nilai-nilai murni pelajar multi etnik ini dijangka dan diyakini akan memberikan kepentingan dan impak positif kepada penyelidik sendiri, sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia, pusat pengajian tinggi dan seterusnya kepada masyarakat dan negara. Antara kepentingan kajian ini ialah :

1.7.1 Kepentingan Kepada Pelajar

Maklumat hasil daripada kajian yang dilaksanakan akan membantu diri pelajar sendiri dalam usaha mereka ingin mengenali dan memahami dengan lebih mendalam berkenaan amalan nilai yang menjadi pegangan diri mereka selama ini. Kajian amalan nilai ini akan membantu diri pelajar mengenali dan menyedari nilai-nilai murni yang wujud dalam diri mereka seterusnya membantu mereka memperbaiki serta meningkatkan potensi diri mereka sendiri.

1.7.2 **Kepentingan Kepada Sekolah**

Maklumat hasil kajian yang dilaksanakan nanti akan sangat berguna kepada institusi sekolah kerana selari perubahan masa dan globalisasi, berkemungkinan wujudnya perubahan pada amalan nilai dalam kalangan diri pelajar yang perlu diambil kira dalam merangka program-program yang bersesuaian sementelah tidak lama lagi akan diwujudkan sistem penilaian dan pentaksiran yang bukan lagi berasaskan peperiksaan semata-mata. Maka dengan itu, kajian ini adalah diharapkan akan membantu memberikan maklumat tambahan bagaimana sistem penilaian berdasarkan amalan nilai-nilai murni pelajar dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kelak.

1.7.3 **Kepentingan Kepada Ibu Bapa**

Kajian ini juga akan membantu ibu bapa diluar sana memahami kepelbagaian individu dan amalan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh anak-anak mereka. Ibu bapa yang prihatin akan menggunakan maklumat ini untuk memperbaiki serta mempertingkatkan kemahiran keibubapaan mereka dalam melahirkan anak-anak yang mempunyai nilai-nilai murni dan akhlak yang tinggi. Hasilnya, akan lahir keluarga harmoni dan saling faham-memahami akan kepelbagaian masing-masing.

1.8 **Skop Dan Batasan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan secara pengedaran borang soal selidik kuantitatif dan adalah terbatas kepada perkara-perkara sepertimana yang di bawah :

- 1.8.1 Responden dalam kajian ini adalah terbatas kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 di 3 buah Sekolah Kawalan di Daerah Pasir Gudang

sahaja. Oleh yang demikian, dapatan kajian hanyalah merujuk kepada populasi yang dikaji sahaja dan tidaklah dapat digeneralisasikan kepada seluruh warga pelajar seluruh Malaysia.

- 1.8.2 Kajian ini memperlihatkan tahap amalan nilai serta faktor yang mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian pelajar. Maka sehubungan dengan itu, pembolehubah yang digunakan dalam analisis adalah bagi menjawab persoalan kajian serta terhad kepada apa yang dinyatakan dalam instrumen sahaja.
- 1.8.3 Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah borang soal-selidik. Oleh itu, dapatan kajian nanti adalah sangat bergantung kepada keupayaan responden untuk menggunakan persepsi dan daya ingatan tentang apa yang dikaji. Sehubungan itu, pengkaji membuat andaian bahawa responden akan memberi maklumat yang tepat dengan ikhlas dan jujur semasa menjawab soal-selidik. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian adalah bergantung kepada andaian tersebut.

1.9 Definisi Terminologi Konsep/ Istilah

1.9.1 Tahap

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), tahap merujuk kepada suatu peringkat atau tingkat bagi sesuatu. Dalam kajian ini, tahap merujuk kepada peringkat amalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Tahap tersebut terbahagi kepada tiga iaitu tahap amalan tinggi, sederhana dan rendah.

1.9.2 Amalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), amalan merujuk kepada sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan sebagai suatu kebiasaan. Biasanya amalan merujuk kepada sesuatu perbuatan atau tingkahlaku baik dan ke arah kebajikan. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, amalan merujuk kepada sejauhmanakah responden kajian mengamalkan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka.

1.9.3 Nilai-Nilai Murni

Menurut Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1994), nilai-nilai murni dalam pendidikan di Malaysia ialah penerapan nilai-nilai murni melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Manakala menurut Bhasah Abu Bakar (2003), nilai-nilai murni merujuk kepada set tingkahlaku baik yang ditunjukkan oleh pelajar dan boleh dinilai melalui pemerhatian secara langsung. Manakala dalam kajian ini, nilai-nilai murni yang dimaksudkan ialah jenis-jenis tingkahlaku yang disenaraikan dalam borang soal selidik bagi tujuan mengukur kefahaman dan amalan pelajar terhadap setiap amalan nilai yang disenaraikan.

1.9.4 Pelajar

Pelajar menurut Joyce M. Hawkins (2011) ialah kata nama yang merujuk kepada individu yang menjadi penuntut sesuatu institusi atau sekolah. Ia boleh terbahagi kepada institusi pendidikan awal dan institusi pendidikan tinggi. Dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan ialah para pelajar Tingkatan 4 di 3 buah sekolah kawalan Daerah Pasir Gudang yang terlibat dalam kajian.

1.9.5 Sekolah Kawalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), sekolah merujuk kepada tempat untuk belajar dan mengajar serta tempat menerima dan memberi pengajaran. Manakala kawalan bermaksud usaha atau tindakan mengawal. Manakala Sekolah Kawalan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sekolah-sekolah yang dikawal kualiti kemasukkan pelajarinya dari segi pencapaian akademik bagi meningkatkan prestasi sesebuah sekolah. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini merujuk kepada 3 buah sekolah kawalan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru, Pasir Gudang, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Timur, Pasir Gudang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusa Damai, Pasir Gudang.

1.10 Kerangka Teori

Menurut Sidek Mohd Noah (2002), kerangka teori akan membantu pengkaji melihat skop kajian mereka dengan lebih jelas berdasarkan teori yang terdahulu. Sehubungan dengan itu, kajian penyelidikan ini akan memfokuskan kepada perbincangan Teori Moral yang diasaskan oleh Lawrence Kohlberg. Menurut Diane E. Papalia (2009), teori Moral yang diasaskan oleh Lawrence Kohlberg merujuk kepada tahap tinggi atau rendahnya moral seseorang berdasarkan perkembangan moralnya mengikut kelas umur individu. Teori ini terbit hasil pemerhatian dan kajian Kohlberg terhadap teori yang diutarakan oleh Jean Piaget dan kekaguman beliau terhadap reaksi anak-anak terhadap dilema moral yang mereka hadapi. Terdapat enam tahap perkembangan moral yang diutarakan oleh Kohlberg. Enam tahap perkembangan itu telah dibahagikan kepada peringkat iaitu peringkat Pra-Konvensional, Konvensional, dan Pasca - Konvensional.

1. Peringkat 1 (Pra-Konvensional)

Pada peringkat ini, kanak-kanak menilai tahap moral tingkahlaku berdasarkan akibat langsung dari tindakan mereka. Mereka kelihatan patuh pada peraturan yang ditetapkan kerana bimbang dimarahi atau dihukum ibu bapa oleh orang lebih dewasa.

a) Orientasi Kepatuhan Dan Hukuman

Dalam tahap pertama, iaitu Orientasi Kepatuhan Dan Hukuman, individu akan memfokuskan diri mereka pada akibat langsung dari tindakan mereka. Sebagai contoh, tindakan yang dianggap salah secara moral ialah apabila orang yang melakukannya akan dihukum. Semakin keras hukuman yang diberikan maka semakin besarlah kesalahan moralnya.

b) Orientasi Minat Peribadi (Apa Untungnya Buat Saya?)

Pada tahap dua tingkahlaku moral individu dipengaruhi kenyataan “ *Apa untungnya buat saya?*”. Ini membawa maksud perilaku sebenar yang digambarkan oleh kanak-kanak didefinisikan dengan apa yang paling diminatinya. Tingkahlaku moral yang digambarkan tahap ini juga tidak mementingkan individu lain melainkan individu itu memberi impak kepada dirinya. Ianya bersifat agak egosentrik dan kanak-kanak mula belajar mementingkan diri sendiri.

2. Peringkat 2 (Konvensional)

Peringkat Konvensional umumnya wujud pada peringkat diri seorang remaja atau dewasa. Individu pada tahap ini akan menilai tingkahlaku moral dari sudut pandangan dan harapan masyarakat. Peringkat Konvensional terdiri daripada tahap ketiga dan keempat dalam perkembangan moral Kohlberg.

a) **Orientasi Kekeragaman Interpersonal Dan Penegasan (Sikap Anak Yang Baik)**

Dalam tahap tiga, individu dilihat sudah memasuki masyarakat dan memiliki peranan sosial tersendiri. Individu lazimnya bertindak mengikut persetujuan individu di sekelilingnya. Bagi remaja pula mereka akan mencuba menjadi seorang anak baik untuk memenuhi harapan ibu bapa mereka. Pada peringkat ini juga akan terpancar sifat nilai-nilai murni yang mula ditanam sejak kecil seperti rasa hormat, rasa berterima kasih, dan tanggungjawab.

b) **Orientasi Autoriti dan Aturan Sosial (Hukuman Dan Undang-Undang)**

Pada tahap empat, individu beranggapan adalah sangat penting untuk mematuhi hukum, keputusan, dan persetujuan sosial kerana ia berguna dalam memelihara fungsi individu dalam masyarakat. Pada peringkat ini juga dapat dilihat bahawa kepentingan masyarakat melebihi kepentingan peribadi. Individu mula merasa rasional pematuhan nilai moral adalah demi kepentingan bersama dan bukannya hanya kerana ingin melihat dirinya bermoral atau baik dimata masyarakat.

3. Peringkat 3 (Pasca-Konvensional)

Pada peringkat Pasca-Konvensional, yang juga dikenali sebagai peringkat berprinsip, merupakan tahap lima dan enam dari perkembangan moral Kohlberg.

a) **Orientasi Kontrak Sosial**

Dalam tahap lima, individu dipandang sebagai memiliki pendapat dan nilai-nilai yang berbeza antara satu sama lain, dan adalah penting bahawa mereka dihormati dan dihargai tanpa syarat. Pada mereka yang telah sampai ke peringkat ini, akan cuba memikirkan bagaimana undang-undang menjadi adil bagi setiap orang. Pada tahap ini, nilai-nilai seperti menghormati amat menebal dalam diri individu.

b) Prinsip Etika Universal

Dalam tahap enam pula, identiti moral adalah berdasarkan kesamarataan dan universal. Hukuman hanya akan diterima apabila ia berdasarkan pada keadilan. Hal yang demikian dilaksanakan dengan mempunyai sifat empati yang sangat tinggi iaitu membayangkan apa yang akan dilakukan seseorang apabila ia berada atau menjadi orang lain. Dengan cara ini, setiap hak individu akan dihormati. Menurut Kohlberg, tahap ini sukar konsisten namun ia tidak mustahil bagi individu yang telah mencapai tahap kesempurnaan nilai-nilai murni dalam diri.

Teori Perkembangan Moral Kohlberg dalam Tiong Kiew Hwa (2006) telah menyatakan bahawa pengajaran nilai merupakan tanggungjawab bagi membantu murid-murid melalui peringkat perkembangan pemikiran moral. Ini bermakna, pengajaran nilai di sekolah adalah bertujuan untuk membimbing pelajar mencapai satu peringkat pemikiran dan kesedaran yang tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini akan menilai sejauhmanakah pendidikan amalan nilai di sekolah telah berjaya membimbing pelajar sampai ke peringkat pemikiran dan kesedaran yang tinggi itu.

Kohlberg juga menekankan pendidikan nilai berkait rapat dengan perkembangan personaliti pelajar. Manakala latihan kemahiran yang dilakukan secara bersepadu akan dapat memperkembangkan diri pelajar dalam aspek emosi, rohani dan jasmani bagi melahirkan pelajar beretika dan berfikiran matang.

1.11 Kesimpulan

Keruntuhan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar kini mula diperkatakan umum memandangkan pelbagai isu moral yang timbul sejak akhir-akhir ini. Hal ini menunjukkan bahawa sudah terdapatnya kesedaran dalam masyarakat untuk berusaha mengenalpasti punca-punca dan kelemahan yang berlaku dalam institusi masyarakat hari ini yang menyumbang kepada isu sosial negara. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menilai tahap

kefahaman dan amalan nilai yang wujud dalam diri pelajar dan faktor yang menyumbang kepada pembentukan amalan dan kefahaman mereka terhadap nilai-nilai murni.

memberi sumbangan ke atas tindakan yang boleh dilaksanakan dalam usaha menjadikan masyarakat Malaysia yang mempunyai adab dan akhlak yang tinggi.

5.6

Kesimpulan

Penerapan amalan nilai-nilai murni selain daripada nilai pendidikan umum yang sedia ada merupakan aspek yang sangat penting untuk dipertingkatkan mutu penerapannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian ini telah mendedahkan tentang berlakunya penerapan nilai-nilai amalan murni dalam diri para pelajar seterusnya dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu, ia masih mempunyai kelemahan yang masih boleh diperbaiki dari masa kesemasa demi melahirkan masyarakat Malaysia yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang dari segenap aspek.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahman Bin Mahmud. Amidin Bin Zin. (2000). *Amalan Nilai Murni Dikalangan Pelajar : Satu Kajian Di Terengganu Darul Iman*. Terengganu : Maktab Perguruan Kuala Terengganu.
- Ahmad Zawawi Abdullah. (2008). *Panduan Merancang Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur : Utusan Malaysia Publication & Distributors.
- Aminuddin Bin Hehsan & Siti Noor Binti Muhamad . (2009). *Jurnal Pendidikan. Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini : Satu Kajian Di Maahad Ahmadi Tanah Merah . 27. 78 -86.*

- Amir Hasan Dawi. (2002). *Penteorian Sosiologi Dan Pendidikan : Edisi Kedua*.
Tanjong Malim : Quantum Books.
- An Najwa Ismail. (2010). *Membina Sahsiah Dan Keunggulan Peribadi*. Kuala Lumpur : Mulia Terang Sdn. Bhd.
- Aswati Binti Hamzah. (2007). *Satu Skema Taakulan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Berita Harian. Edisi : 12 Julai 2009. *Punca Masalah Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur. Berita Harian Publication.
- Best. J.W. Kahn. (1989). *Research In Education. (6th Edition)*. New Jersey : Prentice Hall.
- Briggs, A. (1950). *The Longman Encyclopedia*. Burnt Mill : Longman House.
- Chua Kea Hong. (2010). *Pembangunan Patriotisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua : Perbandingan Antara Empat Jenis Sekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan & Pembangunan. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- David R. Shaffer. (2002). *Developmental Psychological Childhood And Adolescent*. Australia : Wardsworth Thomson Learning.
- Derald Wing Sue. David Sue. (2008). *Counselling The Culturally Diverse : Theory & Practice*. United States Of America : John Wiley & Sons Inc.
- Diane E. Papalia. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2004). *Delinkuen Juvenil Dan Sosial : Pencegahan, Pemulihan Dan Isu Kontemporari*.
Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Duane P. Shultz. Sydney Ellen Schultz. (2001). *Theories Of Personality*.
Australia : Wardsworth Thomson Learning.
- Haji Muslikhin Haji Ali. Wan Ismail Muhamad. Hajah Azizah Ismail. (2010).
Pembentukan Akhlak Muslim. Kuala Lumpur : iBook Publication Sdn. Bhd.
- Ho Yee Wan. (2006). *Tahap Pengamalan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor: Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana Muda Teknologi Pendidikan (Kemahiran Hidup). Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

- John Nicholson. (1997). *Lelaki Dan Perempuan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011). *Infosihat : Tanggungjawab Remaja*. Dilayari Pada 29 Julai 2011 Dari Pautan <http://www.infosihat.gov.my/penyakit/Remaja/TANGGUNGJAWABRemaja.pdf>
- Krejcie. R.V and Morgan. D.W. (1970). *Determining Sampel Size For Research Activities*. Educational And Psychological Measurement. 30. 607 - 610
- Legal Research Board. (2002). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan Yang Terpilih : hingga 15 Ogos 2002*. Kuala Lumpur : International Law Book Services.
- Masruhan K. Chotib Al-Hafiz. (2001). *Pembentukan Generasi Cemerlang*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Md Hasbi Bin Hj Md Yunus. (2009). *Kajian Kategori Masalah Di Kalangan Pelajar Tahun Satu Yang Tinggal Di Kolej Jaya Dan Kolej Semarak Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Pendidikan Bimbingan & Kaunseling. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Fadzil Che Din. (2002). *Pengantar Bimbingan Dan Kaunseling*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Mohd Alfaizal Che Alui. (2006). *Pengamalan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti (2) Yang Diamalkan Dalam Kehidupan Sehari-hari*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (2003). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Johor Darul Tadzim : Penerbit UTM.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor darul Tadzim : Penerbit UTM.
- Mohd. Azizi Yahya. Jamaluddin Ramli. Yusof Boon. Abdul Rahim. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor : PTS Professional.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mohd. Uzi Dollah. Lim Chap Sam (2009). *Penerapan Nilai Pendidikan Matematik Di Sekolah Menengah*. Jurnal Sains Dan Matematik. Vol. 1 : No.2.29 – 40.
- Mok Soon Sang. (2004). *Pengantar Pendidikan Teras*. Subang Jaya : Percetakan Sentosa Sdn. Bhd.
- Nur Azizah Salleh. Siti Rahayu Ariffin. Musa Daia. (2001). Jurnal Pendidikan. *Penerapan Nilai Murni Pembelajaran Kooperatif Dalam Sains*. 27. 47.57
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2009). *Kajian Tembakau Remaja Global*.
- Rohayati Binti Derani. (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Remaja Islam Masa Kini : Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit Alor Setar, Kedah*. Tesis Ijazah Sarjana Muda (Sains) Serta Pendidikan (Pengajian Islam). Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Stephen Worchel. Joel Cooper. George R. Goethals. James M. Olson. (2000). *Social Psychology*. Australia : Wardsworth Thomson Learning.
- Tiong Kiew Hwa (2006). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengamalan Nilai nilai Murni Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim*. Satu Tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Utusan Malaysia. Edisi : 17 Oktober 2000. *Jenayah Pelajar*. Kuala Lumpur. Utusan Malaysia Publication & Distributors.
- William Gredier. (2003). *Vision 2020*. United States Of America : Princeton University.
- Yahya Buntat. Rozita Sanapi. (2003). Jurnal Teknologi. Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Semasa Menjalankan Kerja Amali Bengkel. 39E. 63-76.